

8-5-2024

## SALUR AIR DARI PERAK, KHABAR TERBAIK DALAM LIMA DEKAD - PBAPP



Georgetown: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyifatkan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung persetujuan Perak membekalkan air terawat ke negeri ini antara khabar terbaik dalam tempoh lima dekad.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Ir K Pathmanathan berkata, ini kerana Pulau Pinang terlalu bergantung kepada Sungai Muda sejak 51 tahun lalu sebagai satu-satunya sumber menyalurkan air mentah.

"Projek bekalan air utama terakhir dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Pulau Pinang ialah Skim Air Sungai Muda yang dibuka oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pada 1973.

"Dalam hal ini, Pulau Pinang perlu segera meneroka sumber air utama yang kedua untuk memenuhi keperluan airnya dan memacu kemajuan sosioekonomi seterusnya menjelang 2030.

"Ini kerana permintaan air dijangka mencecah 1,532 juta liter sehari (JLH) menjelang 2030 dan 1,844 JLH menjelang 2040 dengan kadar penggunaan air pada Februari lalu ialah 927 JLH," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Pathmanathan berkata, pada ketika ini PBAPP sedang melaksanakan Pelan Kontingensi Air 2030 bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga 2030.

Menurutnya, Projek Air Perak - Pulau Pinang amat penting dalam menjamin kecukupan bekalan berkenaan di negeri ini selepas 2030.

Katanya, bekalan air dari Perak akan dipam ke kawasan selatan tanah besar akan menambah baik dan menstabilkan bekalan air untuk kira-kira 79,956 pengguna di Seberang Perai Selatan (SPS).

"Apabila Projek Air Perak-Pulau Pinang dilaksanakan, ia akan membekalkan air terus ke SPS dan berkemungkinan PBAPP tidak perlu mengepam air dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU) ke SPS.

"Justeru, jumlah air terawat yang lebih tinggi daripada LRA Sungai Dua boleh disalurkan semula kepada kira-kira 491,153 pengguna air di SPU, Seberang Perai Tengah (SPT), Daerah Barat Daya dan Daerah Timur Laut," katanya.

Katanya, kos membeli air sungai yang dirawat secara konvensional adalah lebih rendah berbanding projek penyahgaraman air laut atau mengitar semula air sisa di Pulau Pinang.

Media sebelum ini melaporkan Anwar memaklumkan Perak bersetuju membekalkan air kepada Pulau Pinang melalui Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian ke Seberang Perai dan perkara itu dipersetujui Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.